

BERITA TERKINI DARIPADA KERATAN AKHBAR:
BERITA HARIAN, ISNIN, 25 OCTOBER 2010
M/S: 7

JOHOR BAHRU: Stesen lama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di sini akan dijadikan muzium mini yang bakal menempatkan segala maklumat mengenai syarikat kereta api berkenaan kepada orang ramai terutama pelancong luar negara.

Pengurus Kanan Komunikasi Korporat KTMB, Mohd Fazil Ismail, berkata muzium mini berkenaan adalah KTMB Wilayah Selatan membabitkan peruntukan sebanyak RM300,000 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mac tahun depan.

"Stesen lama yang sebelum ini menjalankan operasi untuk semua kereta api KTMB antara bandar akan dijadikan muzium mini yang mana ia akan menempatkan pelbagai maklumat kepada orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai KTMB.

"Ia dijangka dibuka selewat-lewatnya Mac tahun depan dan kita mencadangkan bayaran masuk untuk ke muzium mini berkenaan adalah sebanyak

Stesen lama KTMB jadi muzium mini



HOO melepaskan Tren Pertama Keretapi Tanah Melayu (KTMB) dari Singapura menuju ke Tumpat, yang berlepas dari Stesen JB Sentral.

RM1 seorang," katanya pada majlis pelepasan kereta api pertama KTMB dari Stesen JB Sentral di sini.

Majlis pelepasan berkenaan disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hoo Seong Chang.

Hadir sama, Pegawai Operasi KTMB Antara Bandar

“Ia dijangka dibuka selewat-lewatnya Mac tahun depan dan kita mencadangkan bayaran masuk untuk ke muzium mini berkenaan adalah sebanyak RM1 seorang”

Mohd Fazil Ismail
Pengurus Kanan Komunikasi Korporat KTMB

Wilayah Selatan, Khadir Khalid dan Pengarah Urusan KTMB (Kargo), Azman Ahmad Shaharbi.

Serentak dengan majlis itu, semua kereta api KTMB antara bandar akan beroperasi dari Stesen JB Sentral, di sini, menggantikan stesen lama, Stesen Keretapi Johor Bahru yang beroperasi sejak 1 September 1932.